

# Selangor optimis pengangguran kekal bawah empat peratus

**SHAH ALAM** – Kerajaan Selangor optimis penurunan kadar realistik pengangguran negeri kekal berada di bawah empat peratus tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Belia dan Sukan dan Insan negeri, Mohd. Khairuddin Othman berkata, sasaran itu ditetapkan berikutan sebanyak 3.2 peratus atau 118,100 penganggur direkodkan pada suku pertama tahun ini.

Katanya, statistik itu mencatatkan peningkatan berbanding 2.9 peratus atau 105,300 orang pada suku keempat tahun lalu.

“Namun, kita melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menyediakan peluang pekerjaan dan dilihat mendapat sambutan membeberangsangkan setakat ini.

“Justeru, kerajaan negeri yakin mampu mencapai sasaran penurunan kadar pengangguran sehingga 2.6 peratus atau kekal bawah empat peratus tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau program Selangor



**MOHD. KHAIRUDIN** ketika meninjau program Selangor Mega Job Fair di Pusat Konvensyen MBSA di Shah Alam semalam.

ngor Mega Job Fair di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), di sini semalam.

Jelas Mohd. Khairuddin, pihaknya turut yakin kadar pengangguran negeri masih terkawal dengan kerjasama pelbagai agensi dan pemain industri.

Dalam pada itu, beliau berka-

ta, lebih 20,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor ditawarkan menerusi penganjuran Selangor Mega Job Fair.

“Program secara fizikal selepas memasuki fasa endemik itu melibatkan 100 majikan bersama 10 agensi kerajaan dan badan beruniform,” ujarnya.